



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

FASA 2 PROGRAM VAKSINASI INDUSTRI PEMBINAAN BERMULA 5 OGOS

Fasa 2 Program Vaksinasi Industri Pembinaan (CIVac) akan bermula pada 5 Ogos ini dan akan melibatkan 55,000 pekerja binaan iaitu 30,000 dari Pulau Pinang dan 25,000 dari Johor. Pendaftaran telah dibuka pada 12 Julai. Sehingga kini semua slot di Johor telah habis ditempah, manakala di Pulau Pinang pendaftaran masih diteruskan dan 22,800 slot telah diambil setakat ini. Tarikh pemberian vaksin bagi Johor dan Pulau Pinang akan bermula pada 5 Ogos sehingga 15 September 2021.

Sementara itu, pendaftaran Program CIVac juga dijadualkan dibuka di Pahang pada 25 Julai 2021 untuk 20,000 pekerja binaan, Manakala di Sabah pula pendaftaran akan dibuka pada 31 Julai 2021 untuk 20,000 pekerja binaan.

CIVac Fasa 1 telah bermula sejak 1 Julai di Kuala Lumpur dan Selangor dengan jumlah sasaran pemberian vaksin kepada 40,000 pekerja sektor pembinaan warga asing dan tempatan. Sehingga 20 Julai, seramai 24,106 pekerja iaitu 60.26% daripada jumlah pekerja yang telah berdaftar dengan program CIVac, telah menerima dos pertama vaksin tersebut.

Bagi menampung permintaan yang banyak, Kementerian Kerja Raya sedang memohon peruntukan vaksin tambahan daripada the Covid-19 Immunisation Task Force (CITF) untuk 300,000 pekerja binaan. Ini termasuk vaksin tambahan untuk 65,000 pekerja binaan di Kuala Lumpur dan 30,000 di Selangor. Penambahan kuota vaksin akan terus dipohon berdasarkan permintaan semasa oleh industri pembinaan. CIDB juga akan menyediakan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Bergerak sekiranya terdapat permintaan untuk kemudahan tersebut.


Latar Belakang

Program CIVac merupakan program vaksinasi COVID-19 untuk pekerja di dalam industri pembinaan satu usaha daripada CIDB Malaysia yang diterajui Kementerian Kerja Raya (KKR) untuk mempercepatkan kadar vaksinasi di kalangan barisan hadapan ekonomi bagi mengurangkan kluster jangkitan COVID-19 di tempat kerja. CIVac juga

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  [Kementerian Kerja Raya](https://www.facebook.com/kkr.gov.my) |  [@MOWorks](https://twitter.com/MOWorks) |  Pro@kkr.gov.my

bertujuan melengkap Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) melalui kerjasama kerajaan-swasta menerusi Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin yang di penegrusikan bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta Kementerian Kesihatan (MOH).

Untuk maklumat lanjut berkenaan program CIVac, sila hubungi talian 03-40428880, emel: vaksin@cidbh.com.my atau layari <https://vaccine.cidblink.com>.



DATO' SRI HAJI FADILLAH HAJI YUSOF

MENTERI KANAN KERJA RAYA

22 Julai 2021

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

 : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 |  : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  [Kementerian Kerja Raya](https://www.facebook.com/KementerianKerjaRaya) |  [@MOWorks](https://twitter.com/MOWorks) |  Pro@kk.gov.my